

ADAT ISTIADAT DIRAJA DALAM TEKS UNDANG-UNDANG
ADAT TEMENGGUNG DAN PEMAKAIANNYA DI HARI INI;
SATU KAJIAN DI KEDAH.

100446 947

ABD. RAHIM BIN ISMAIL
S.M. P.I.

JABATAN SYARIAH
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
1982/83.

ADAT ISTIADAT DIRAJA DALAM TEKS UNDANG-UNDANG
ADAT TEMINGGUNG DAN PEMAKAIAN NYA DI HARIINI;
SATU KAJIAN DI KEDAH.

O
L
E
H

ABD. RAHIM BIN ISMAIL

M.7175

Penyelia:

USTAZ ABD. MONIR YAACOB

Latihan Ilmiah ini dikemukakan kepada Universiti
Kebangsaan Malaysia untuk memenuhi syarat bagi
mendapatkan Ijazah Sarjanamuda Pengajian Islam
dengan Kepujian (Sma. P.I. Hons).

JABATAN SYARIAH
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
1982/83.

0.1. PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله القائل فلولا نفر من كل فرقه ضهر
طائفة ليتلقوا في الدين ولينذروا قومهم اذا رجعوا
اليهم لعلهم يذرون ، والصلوة والسلام على
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين .

Dengan penuh kesyukuran terhadap keizinan Allah yang telah memberikan kelapangan kepada saya untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Sesungguhnya petunjuk dan kelapangan merupakan pemberian dan kurniaan Allah dengan sebesar-besar nikmat kepada golongan yang mensyukurinya. Di samping itu juga saya bersyukur kepada Allah yang membuka pintu hati berbagai pihak untuk membantu saya dalam kerja-kerja untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Semoga dengan kajian ini dapat memberikan faedah kepada generasi kini dan terkemudian.

Di sini terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia latihan ilmiah ini iaitu Ustaz Abd. Monir Yaacob kerana pandangan dan bimbingan yang telah beliau berikan sepanjang penulisan latihan

ilmiah ini. Saya tidak akan melupakan jasa-jasa baik beliau itu dan saya doakan semoga Allah memberikan rahmat dan kebahagiaan dunia dan akhirat.

Demikian juga dipersembahkan terima kasih yang tidak ter-nilai kepada emak dan ayah yang dikasihi atas dorongan dan pengurusan yang berpanjangan sehingga kejayaan ini, kepada adik-adik yang disayangi Halimah, Yusri dan Zalie tidak dilupakan juga terima kasih diucapkan atas bantuan segala-galanya, abang doakan semoga anda semua berjaya menghadapi cabaran hidup setiap masa. Terima kasih juga diucapkan kepada kawan-kawan yang telah memberikan bantuan bagi menyiapkan latihan ilmiah ini dan seterusnya kepada Cik Noraida yang telah menyelenggarakan urusan menaip latihan ilmiah ini.

Akhir sekali saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah memberikan kerjasama samada secara langsung dan tidak langsung iaitu kepada kakitangan pejabat DYMM Sultan Kedah amnya, kepada Tuan Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah, Dato' Haji Wan Ibrahim bin Wan Soloh, Dato' Haji Shuib bin Osman dan YTM Tunku Dato' Fariduddin bin Tunku Mansur khasnya.

Hanya Allah sahajalah yang dapat membalas kelapangan dada mereka yang membantu saya. Doa saya semoga Allah mengampun kesalahan saya, kedua ibu bapa dan seluruh kaum Muslimin dan Muslimat. Seterusnya saya memohon kemaafan dan keampunan kepada pensyarah-pensyarah dan kakitangan-kakitangan Fakulti Pengajian Islam amnya dan Jabatan Syariah khasnya jika terdapat kesalahan-kesalahan saya di sepanjang pengajian di Universiti ini yang rasa agak terkilan di hati.

Sekian, Wabillah al-taufik wa al-hidayah wa as-salam.

Abd. Rahim Ismail,
Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian
Islam, UKM, Bangi.

15hb. March, 1983.

ISI KANDUNGAN

<u>BIL.</u>		<u>HALAMAN</u>
0.1.	PRAKATA	1
0.2.	SINOPSIS.....	vii
0.3.	PENDAHULUAN.....	ix
0.4.	GLOSSARI.....	xv
0.5.	TRANSLITERASI.....	xxc

BAB PERTAMA

1.1.	Latarbelakang Adat Istiadat.....	1
1.2.	Definasi Adat Istiadat.....	2
1.3.	Nilai Adat Istiadat.....	14
1.4.	Jenis-Jenis Adat Istiadat Di Semenanjung.....	21
1.5.	Adat Temenggung.....	22

BAB KEDUA

2.1.	Adat Istiadat Raja-Raja Melayu Secara Umum....	32
2.2.	Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya.....	34
2.3.	Pengasas Adat Istiadat.....	36
2.4.	Konsep Raja.....	37
2.5.	Bidangkuasa Raja-Raja Melayu.....	40
2.6.	Pembahagian Adat Istiadat.....	46
2.6.1.	Adat Istiadat Larangan.....	48

a.	Kain Kuning.....	48
b.	Kain Nipis.....	50
c.	Keris Berhulu Emas.....	50
d.	Membuat Rumah dan Perahu.....	51
e.	Tilam Pandak Empat Persegi.....	52
f.	Tombak Bercabang Tiga.....	52
g.	Adat Memakai Payung.....	53
2.6.2. Upacara dan Peraturan Adat Istana....		54
a.	Adat Bahasa Raja-Raja.....	54
b.	Adat Utusan Datang dan Pergi.....	56
c.	Adat Istiadat Raja Berjalan.....	57
d.	Adat Istiadat Raja Bersenayam dan Menjunjung Duli.....	58
e.	Adat Istiadat Raja Berangkat Pada Hari Raya.....	59
f.	Adat Istiadat Perkahwinan.....	59
g.	Adat Istiadat Pertabalan.....	64
h.	Adat Istiadat Kemangkatan.....	66
2.7.	Unsur-Unsur Asing Dalam Adat Istiadat Raja- Raja Melayu.....	70

BAB KETIGA

3.1.	Adat Istiadat Raja-Raja Melayu Yang Terpakai..	78
3.1.1.	Adat Istiadat Larangan.....	78
3.1.2.	Upacara dan Peraturan Adat Istana....	82
3.2.	Penelitian dan Penganalisaan.....	104
	Kesimpulan dan Penutup.....	112
BIBLIOGRAFI.....		115
LAMPIRAN 1:	HUKUM KANUN MELAKA.....	124
LAMPIRAN 2:	PERATURAN ADAT ISTIADAT PERTABALAN SULTAN NEGERI KEDAH DARULAMAN.....	172
LAMPIRAN 3:	GAMBAR PERALATAN ADAT ISTIADAT.....	211

0.2. SINOPSIS

Dalam Latihan Ilmiah ini pengkaji telah berminat untuk membuat tinjauan mengenai keluarga Diraja khususnya mengenai adat istiadat yang mempunyai hubungan dengan Raja-Raja Melayu. Oleh itu tinjauan akan dibuat mengenai adat istiadat Raja-Raja Melayu yang terdapat di dalam teks Undang-Undang Adat Temenggung sebagai suatu perbandingan dengan adat istiadat yang masih terpakai di hari ini. Pengkajian khusus akan ditumpukan di negeri Kedah. Untuk perincangan mengenai tajuk ini secara keseluruhannya, pengkaji telah merangka dan membahagikannya kepada tiga bab.

Bab pertama akan ditumpukan kajian kepada teks-teks yang menyentuh tentang latarbelakang adat istiadat diikuti dengan definisi adat istiadat, nilai adat istiadat, jenis-jenisnya yang terdapat di Semenanjung Malaysia kemudian akan diuraikan secara ringkas mengenai Adat Temenggung kerana ia mempunyai hubungan dengan tajuk ini.

Bab kedua pula merangkumi Adat Istiadat Raja-Raja Melayu Secara Umum, Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya, Pengasas Adat Istiadat, Konsep Raja dan Bidangkuasa Raja-Raja Melayu. Kemudian dalam bab ini juga satu tinjauan secara khusus akan dibuat mengenai adat istiadat Raja-Raja Dahulu yang terdapat dalam

Teks Undang-Undang Adat Temenggung dan membahagikannya kepada dua bahagian iaitu bahagian Adat Istiadat Larangan dan bahagian Upacara dan Peraturan Adat Istana, kemudian disentuh sedikit mengenai Pengaruh atau Unsur Asing yang terdapat dalam Adat Istiadat Raja-Raja Melayu.

Bab ketiga kajian ditumpukan mengenai Adat Istiadat yang masih terpakai dewasa ini, kemudian Penelitian dan Penganalisaan dibuat untuk memperbandingkan antara adat istiadat lama dan baru untuk melihat dari segi persamaan dan perbezaan antara keduanya. Seterusnya diikuti dengan Kesimpulan dan Penutup Latihan Ilmiah ini.

0.3. PENDAHULUAN

A. BIDANG KAJIAN

Latihan Ilmiah ini adalah merupakan sebagai satu bidang kajian untuk memperlengkapkan unit dan juga bagi menyempurnakan syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengajian Islam dengan kepujian. Ia juga merupakan sebagai satu bidang kajian yang umumnya adalah bertujuan untuk memperlihatkan tentang adat istiadat raja-raja Melayu. Walau bagaimanapun bidang kajian mengenai tajuk ini adalah amat luas, pengkaji telah cuba menganalisa tentang adat istiadat yang agak penting dan diperturunkan dalam latihan ilmiah ini.

Jelasnya mengenai adat istiadat ini masih dikenalkan hingga sekarang ini hanya dengan sedikit pindaan di sana sini dengan tujuan untuk menyesuaikan dengan keadaan masa, tetapi adalah bertebaran jika dikatakan bahawa terdapat sebilangan besar masyarakat di Kedah khususnya dan di Malaysia umumnya yang tidak benar-benar mengetahui dengan secara mendalam tentang adat istiadat tersebut, kecuali mereka yang terlibat dan orang yang tinggal di istana sahaja. Walaupun adat istiadat yang dibincangkan dalam latihan ilmiah ini dikhurasukan kajiannya kepada adat istiadat negeri Kedah tetapi pada dasarnya mempunyai persamaan juga dengan negeri-negeri lain yang mengamalkan sistem adat Temenggung.

B. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk mengkaji tentang peraturan-peraturan adat istiadat istana yang masih diperlakukan di kalangan keluarga diraja di samping menilai upacara-upacara yang dilakukan. Selain daripada itu pengkaji juga ingin meninjau sejauhmana adat istiadat lama masih memainkan peranan dan sejauhmana perubahan-perubahan berlaku dari masa kesemasa berhubung dengan adat istiadat tersebut serta pengaruh asing yang terdapat didalamnya.

Oleh itu pengkaji yakin dan berharap dengan kajian yang dilakukan ini akan dapat menarik perhatian pihak-pihak tertentu tentang sejauhmana kepentingan adat istiadat ini dan semoga dapat memberi pengetahuan kepada umum walaupun ianya tergolong dalam istiadat lama.

C. METODE KAJIAN

Dalam mendapatkan maklumat bagi menyelesaikan latihan ilmiah ini beberapa metode telah digunakan dan akan digunakan semasa membuat kajian seterusnya bagi melicinkan bidang kajian mengenai tajuk ini. Dengan ini kelemahan satu metode akan dapat diatasi dengan metode yang lain. Metode yang digunakan seperti berikut:

c. Pita rakaman

Dalam membuat kajian ini salahsatu metode yang digunakan ialah pita rakaman suara iaitu semasa bertemu ramah dengan orang-orang tertentu dengan tujuan untuk memudahkan pengkaji mengikuti temuramah dengan lebih tepat dan jelas di samping catitan-catitan dibuat.

D. MASALAH SEMASA MEMBUAT KAJIAN

Walaupun beberapa metode kajian digunakan, namun demikian terdapat juga kelemahan-kelemahan semasa kajian itu dilakukan. Ini disebabkan satu golongan masyarakat yang mempunyai status yang tinggi dan berlainan dari masyarakat biasa, maka terdapat beberapa peraturan-peraturan yang mesti dituruti. Di antara masalah-masalah yang terpaksa pengkaji hadapi semasa membuat kajian ialah:

a. Pengkaji agak sukar menemui mereka yang berpengaruh dan juga mereka yang mempunyai pengetahuan mengenai adat istiadat tersebut, walaupun masa dan hari telah ditetapkan tetapi kadangkala perjanjian itu terpaksa dibatalkan kerana mereka mempunyai urusan lain yang mungkin lebih penting seperti terpaksa menghadiri mesyuarat atau lain-lain hal.

b. Selain daripada itu, pengkaji juga agak sukar untuk menemui atau mendapat kerjasama dari pihak tertentu untuk meminjam buku-buku, mendapat kebenaran untuk mengkaji berhubung dengan tajuk di atas dan sebagainya. Pengkaji terlebih dahulu dikehendaki menyelesaikan urusan surat menyurat bagi mendapat kebenaran resmi dari pejabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah yang terletak di Wisma Negeri, Alor Star, Kedah.

c. Masalah juga timbul dari segi jarak jauh di antara tempat tinggal pengkaji untuk menemui mereka yang terlibat di mana, ini merupakan satu kesukaran walaupun pengkaji berasal dari negeri Kedah tetapi disebabkan pengkaji menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia, jadi jarak perjalanan antara Selangor dan Kedah adalah merumitkan di mana memerlukan masa yang sesuai untuk pulang, pelajaran tergendala dan sedikit sebanyak melibatkan kedudukan kewangan.

d. Mengenai bahan-bahan bacaan pula pengkaji tidak dapat mengumpulkan dengan selengkapnya di perpustakaan UKM, jadi pengkaji terpaksa berulang-alik dari tempat-tempat lain seperti perpustakaan-perpustakaan awam, Dewan Bahasa, Arkib Negara, Musium dan lain-lain tempat yang dapat memberi bantuan kepada pengkaji dalam hal ini.

Seperkara lagi berhubung dengan bahan bacaan ini, di mana tajuk kajian di atas adalah merupakan satu tajuk yang mempunyai hubungan dengan Undang-Undang Melayu Lama seperti Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Melaka, Undang-Undang 99 dan Undang-Undang Pahang di mana teks-teks asalnya adalah bertulisan jawi dan menggunakan bahasa lama yang ejaannya berlainan dengan apa yang didapati sekarang ini, kadang-kadang tidak didapati perenggan-perenggan dan susunan ayatnya juga tidak begitu teratur, sukar untuk difahami dan terpaksa menggunakan masa yang agak panjang untuk meneliti isi kandungannya.

0.4. GLOSSARI

- Anugerah - Kurnia
- Astaka - Balai dalam istana.
- Baginda - Yang berbahagia (gelaran bagi sultan).
- Bangsi - Serunai.
- Benian - Peti.
- Bentara - Pesuruh raja (yang menyampaikan titah atau membawa alat kerajaan).
- Beradu - Tidur, berehat.
- Berandam - Memepat rambut di atas dahi, memepat janggut.
- Berangkat - Bertolak.
- Bercemar - Bercampur dengan orang yang lebih hina, mengotorkan.
- Berlangir - Membersihkan rambut dengan bermacam wangi-wangian.
- Beta - Saya (digunakan oleh raja-raja atau orang-orang yang berpangkat).
- Biti-Biti - Hamba perempuan di istana.
- Celempung - Sejenis alat bunyi-bunyian yang memakai dawai seperti kecapi, sejenis alat-alat bunyi-bunyian seperti gong kecil.
- Ceper - Dulang, piring.
- Ceracap - Alat bunyi-bunyian seperti canang kecil atau buluh yang dihantuk-hantukkan.

- Cokmar - Sejenis pemukul dari logam yang dibawa dalam upacara-upacara tertentu.
- Daulat - Bahagia; kuasa (pada raja-raja yang memerintah).
- Dian - Lilin, pelita.
- Gendir - alat bunyi-bunyian gamelan.
- Gering - Sakit (untuk raja-raja).
- Giring - Sejenis alat bunyi-bunyian.
- Gocoh - Tumbuk, tinju.
- Kain Cempa - iaitu kain yang berasal dari Cempa, Indocina yang ditenun dengan halus dan indah.
- Kain dukung - kain pengendong atau pengambin (anak)
- Kajangi - anyam.
- Kelekan - Serambi.
- Kendi - Sejenis bekas air yang bermuncung (bercerat) dan bertangkai (dibuat daripada tembikar atau tin).
- Kerikal - Pinggan besar atau talam yang berkaki (dibuat daripada logam dan lain-lain).
- Ketor - Tempat Ludah.
- Khasa(h) - Kain yang halus nipis dan jarang-jarang tenunannya.
- Kopak - Sejenis alat bunyi-bunyian.
- Kurnia - Anugerah, pemberian.
- Kweng - Ketua kampung.

- Makam - Kubur (digunakan untuk orang yang dihormati seperti keluarga diraja, pahlawan dan lain-lain).
- Mamak - Sebutan oleh raja kepada pembesar-pembesar negeri (menteri dan lain-lain), bapa saudara.
- Manakan - bapa kepada kemanakan.
- Mangkat - Baginda meninggal (digunakan untuk raja), mati.
- Murka - Marah, meradang.
- Nafiri - Sejenis serunai (trompet) panjang.
- Nagara - Sejenis gendang besar - nakara.
- Nasi adap-adapan- Nasi bercampur pulut dan sebagainya dihidangkan untuk pengantin baru.
- Nobat - ialah salah satu dari alat bunyi-bunyian Parsi termasuk juga didalamnya muri, dandi, serunai, kecapi, rebana dan lain-lain.
- Pacal - Hamba kepada raja.
- Pakan - Benang tenunan yang melintang.
- Panca - Logam campuran lima jenis.
- Panca persada - Tempat tinggi yang bertingkat-tingkat, tempat bersemayam raja waktu pertabalan (tempat orang besar-besaran dan lain-lain).
- Pandak - Pendek.
- Patik - Hamba, saya (sewaktu bercakap dengan raja).
- Penduk - Penyalut pada sarung keris dari emas, perak dan lain-lain.

- Penomah - Raja = pemberian kepada bakal mentua.
- Permanjungan - Bahagian rumah yang ditinggikan disisi atau di tengah rumah.
- Peterana - Sejenis tempat duduk untuk orang yang dihormati (raja mempelai dan lain-lain).
- Puaidai - Sejenis hamparan dari kain, untuk tempat berjalan atau tempat duduk orang besar-besar (pengantin ketika bersanding dan lain-lain).
- Puan - Tempat sirih yang diperbuat dari emas atau perak biasanya dipakai oleh permaisuri, pengantin perempuan atau sebagai tanda kekuasaan raja.
- Rana Sekati - Nama sejenis bunyi-bunyian.
- Sabda - Kata-kata (nabi, raja, orang-orang besar), titah.
- Santap - makan, minum.
- Selukat - Sejenis alat bunyi-bunyian yang diperbuat dari pada logam.
- Semayam - Duduk di atas takhta atau singgahsana.
- Sida-sida - Pegawai dalam istana (mungkin sj pendeta), pegawai dalam istana yang telah dikasi (dikembiri).
- Singgahsana - Kerusi kerajaan (tempat raja bersemayam).
- Siram - Mandi.
- Suling - Sejenis serunai, bangsi, salong, seruling.
- Tabal - Majlis merasmikan penobatan atau kemahkotaan raja.

- | | |
|------------|---|
| Terterapan | <ul style="list-style-type: none">- Sarung keris yang dilapis dengan emas atau ditatah dengan permata. |
| Tetampan | <ul style="list-style-type: none">- Selampai dari kain sutera kuning yang (disibakan kebahu ketika mengadap raja atau untuk menudungi barang-barang yang dipersembahkan kepada raja). |
| Titah | <ul style="list-style-type: none">- Kata raja, perintah. |
| Tutuh | <ul style="list-style-type: none">- Memotong dahan atau cabang kayu. |
| Wali | <ul style="list-style-type: none">- Sejenis kain kuning yang disampaikan di bahu pegawai istana yang membawa alat kerajaan. |

0.5. TRANSLITERASI

Bagi Perkataan-perkataan Arab yang digunakan di sini adalah mengikut transliterasi berikut:

a =	ا	d =	ض
b =	ب	t =	ط
ت =	ت	z =	ظ
th =	ث	c =	غ
j =	ج	gh =	ڇ
ه =	ه	f =	ڻ
kh =	خ	q =	ڦ
d =	د	k =	ڱ
dh =	ڏ	l =	ڸ
r =	ر	m =	ڙ
z =	ڙ	n =	ڮ
s =	س	h =	ڻ
sh =	ش	w =	ڻ
s =	س	y =	ڱ
	,	,	ء
dammah + waw = ُ		fathah = َ	= a
Fathah + ِيَّ = ai		kasrah = ِ	= i
fathah + waw = au		dammah = ُ	= u
		fathah + alif = َ	= َa
		kasrah + ِيَّ = ِ	= ِi

TEKS RISALAH HUKUM KANUN

EDISI PH.S. VAN RONKEL

Bis 'Llāhi 'l-Rahmani 'l-Rahīm
Al-hamdu li 'Lahi rabbi 'l-'alamin
wa 'l 'aqībatu li 'l muttaqīn

Ini suatu risalat pada menyatakan hukum kanun iaitu segala negeri yang besar-besar dan pada segala negeri yang kecil-kecil dan segala raja-raja yang besar-besar dan pada adat yang takluk dan dusun dan anak sungai supaya menafaat atas negeri. Dan raja-raja itu maka hendaklah ia menjadikan orang besar-besar akan gantinya supaya tiada datang masghul kepadanya lagi. Adapun pada segala raja-raja itu, pertama-tama menjadikan Bendahara, kedua Temenggung, ketiga Penghulu Bendahari, keempat menjadikan Shahbandar. Maka terpeliharalah segala raja-raja dengan segala rak-yatnya. Adapun hukum yang diserahkan pada Bendahara itu seperti hukum orang yang bernama dan segala tuan-tuan dan segala sida-sida dan segala anak orang besar-besar. Adapun hukum diserahkan pada Temenggung /2/ itu barang yang dihukumkan di dalam negeri, seperti tafahus menafahus dan seperti tangkap menangkap orang jahat di dalam negeri itu. Pasal pada menyatakan hukum Shahbandar itu iaitu menghukum segala dagang dan anak yatim dan segala yang teraniya dan adat segala jung dan baluk dan barang sebagai-

nya itu.

Ada pun ketahui oleh mu akan adat ini turun temurun daripada zaman sultan Iskandar Zulkarnain yang memerintahkan segala manusia, datang sekarang ini maka adalah iaitu akan ganti tauladan akan ganti raja-raja pada hal memerintahkan segala adat itu terhimpun itu atas sembilan hukum, datang kepada zaman sultan Iskandar Shah ialah yang pertama masuk ugama Islam dan menitahkan adat dan perintah negeri turun temurun kepada putera baginda sultan Muzaffar Shah dan turun kepada putera baginda sultan Mansur Shah dan turun kepada putera baginda sultan Alaudin /3/ Riaayat Shah dan turun kepada putera baginda sultan Mahmud Shah Khalifatu 'l-mu'minin zi 'Llahu fi 'l-'alam ialah yang mempunyai adat, hukum dan perintah.

Pasal yang pertama pada menyatakan adat majlis segala raja-raja dan larangan raja-raja itu jika dipakai oleh segala rakyat itu.

Ketahui oleh mu bahawa tiada harus dipakai oleh rakyat itu seperti kekuningan dan kepada segala orang-orang besar-besar sekalipun. Jikalau tiada dengan kurnia raja-raja maka dibunuh hukumnya. Demikian lagi tiada dapat memakai kain yang nipis berbayang-bayang seperti khasa dan sebagainya pada balai raja-raja atau negeri raja-raja itu, melainkan dengan titah raja dan

kurnia, atau diluar boleh dipakai. Jikalau lain daripada itu nescaya dicarikkan atau ditolakkan hukumannya. Dan demikian lagi hulu keris emas seperti bertatah atau sepangkalnya emas, itu pun tiada dapat memakai orang keluaran itu jikalau tiada dengan kurnia raja-raja akan /4/ dia maka dapat dipakai. Jikalau ada ia orang yang memakai dia itu maka hukumnya dirampas. Adapun yang dapat memberi anak cucunya memakai hulu keris emas itu melainkan Benda-hara juga, yang lain daripada itu tiada dapat memakai dia.

Ada pun segala syarat hamba raja itu atas tiga perkara. Suatu, benar pada barang lakunya dan fi'elnya, kedua, menurut titah raja itu mau ia zalim mau tiada, ketiga, ada ia mengharapkan ampun dari tuannya.

Ada pun syarat segala raja-raja itu mau ada empat perkara. Pertama, ampun, kedua, murah, ketiga, perkasa, keempat, melakukan hukumannya dengan kaharnya. Itulah sifat-sifat raja-raja itu pada zaman dahulu kala, turun temurun datang sekarang ini.

Pasal yang kedua, pada menyatakan hukum bahasa segala raja-raja itu lima perkara yang tiada beroleh kita menurut kata itu melainkan raja yang kerajaan juga. Pertama, titah, kedua, patik, ketiga, murka, keempat, kurnia, kelima, anugerah. maka segala kata ini tidak dapat kita mengatakan dia, dan jika hamba raja mengatakan dia itu dibunuh hukumnya dan jikalau orang keluaran

berkata demikian itu /5/ digocoh hukumnya. Adapun menjunjung duli itupun dibunuh hukumnya, jikalau tiada dengan kurnia atau berbuat surat titah. Demikianlah adat hamba kepada tuannya supaya jadi sempurna kemuliaan tuannya pada hukum kanun.

Pasal yang ketiga, pada menyatakan hukum segala orang besar-besar dan orang yang mulia-mulia dan rakyat yang mati tiada boleh berpayung dan berpuadi dan menghamburkan derma itu melainkan dengan kurnia, maka dapat. Jikalau tiada dengan kurnia, dirampas hukumnya itu. Demikian lagi bertilam beralas kuning atau saputangan: kuning maka itulah hukumnya dicarikan oleh segala yang melihat dia itu, suatupun tiada perkataannya lagi. Itulah majlis se-gala raja-raja itu, baik diketahui oleh segala rakyat dan sakai dan balatentera sekeliannya itu akan perintah mertabat kemuliaannya sekalian raja-raja itu supaya jangan kena murka raja-raja akan kamu sekalian.

Pasal yang keempat pada menyatakan hukum negeri dan anak sungai dan dusun yang takluk pada negeri itu. Adapun pertama pada menyatakan hukum orang berbunuh-bunuhan atau menikam atau menatak orang atau menuduh atau berdustakan /6/ hakim atau berjual titah atau menyangkal titah raja. Itupun salah terlalu besar, dibunuh hukumnya pada hukum kanun.

Pasal yang kelima, pada menyatakan orang membunuh dengan tiada setahu raja-raja atau tiada setahu orang besar-besar itu, jikalau dibunuhnya dengan dosanya sekalipun, hukumnya didenda sepuluh tahil sepeha kerana salahnya itu tiada memberi tahu raja atau hakim. Adapun jika tiada tertangkap ia, maka melawan ia dengan salahnya, jikalau ada ia tertangkap serta ia dipertegahnya, maka dusunya itu patut dibunuh, itulah akan didendanya sepuluh tahil sepeha kerana taqsir tiada setahu Menteri itu.

Adapun yang membunuh tiada setahu raja dan menteri itu atas empat perkara; pertama-tama membunuh madu, kedua membunuh orang angkara ketiga membunuh orang yang mencuri yang tiada dapat ditangkapnya, keempat membunuh orang yang memberi aib besar, itupun jikalau belum sampai kepada menteri. Maka jikalau sudah sampai pada menteri diperbuatnya juga maka ia didenda sepuluh tahil sepeha. Inilah hukumnya. Adapun jikalau ia membunuh madunya maka ia lari ke dalam kampung orang maka diikatnya oleh empunya madu itu berkelahi dengan yang empunya kamrung itu, maka jikalau ia melawan, maka terbunuh yang mengikat itu mati sahaja dengan tiada kena hukum lagi. Inilah adatnya negeri. Adapun pada hukum Allah Ta'ala /7/ yang membunuh itu dibunuh juga hukumnya kerana menurut dalil koran dan menurut amrun bi 'l-ma'rufi wa 'l-nahyu 'ani 'l-munkar yakni kerana menyuruh berbuat baik dengan menegah berbuat jahat. Adapun segala orang yang membawa titah, maka ia mengambil

isteri orang tiada dapat dibunuh, derhaka ke bawah duli sultan.
(Maka harus dibunuh pula atau kena denda atasnya sekati lima tahil).
Inilah adatnya.

Pasal yang keenam, pada menyatakan hukum segala orang yang mengamuk itu, hamba atau utang-utangan orang, dibunuh hukumnya, tetapi jikalau sudah maka dibunuhnya dengan tiada setahu raja atau menteri, kenalah denda sepuluh tahil sepeha jikalau pada negeri dan jikalai pada anak negeri atau pada anak sungai yang takluk akan negeri itu maka didenda akan dia lima tahil sepeha. Inilah hukum kanun.

(Adapun ketahui olehmu bahawa syarat menteri itu enam perkara, Pertama menafahusi salah dan benar rakyat itu, kedua maulah ia tahu akan hukum, ketiga tahu ia mengambil ufti, keempat maulah mendengarkan kata kedua pihaknya itu, kelima tahu akan budi tatkala menjatuhkan hukum itu dengan kerasnya. Itulah syarat menteri).

Ada pun jikalau sudah luka orang yang mengamuk itu maka tertangkap, maka lalu dibunuhnya pula, kenalah denda ia setahil sepeha juga. Adapun jikalau lukanya itu tersangat, maka dibunuhnya dengan tiada setahu raja atau menteri, sekadar belanja turun mayat itu juga akan dendanya. Itulah hukum kanun.

Adapun yang tiada dapat diampuni hakim sekaliannya itu atas tiga perkara. Satu, dusa membunuh orang, kedua dusa mengambil is-teri orang, ketiga orang yang bermaharajalela. Inilah yang tiada dapat lagi segala menteri mengampuni dia dan memaafkan dia melain-kan raja juga yang dapat mengampuni dia itu. Adapun dusa yang lain daripada itu dapat menteri mengampuni dia segala manusia yang salah itu. Adapun jikalau hamba orang itu membunuh tuannya, maka orang lain itu menangkap dia, harus dibunuh, itupun jikalau jauh terat-nya lagi tiada ia kuasa menunggu. Adapun jikalau dekat, maka di-tangkapnya lalu dibunuhnya akan dia, kena denda lima tahil sepeha kerana taqsirnya tiada dengan setahu tuannya dan tiada setahu men-teri di dalam negeri. Maka jikalau luka maka lalu dibunuhnya. Ini-lah hukum abdi itu telah kami simpangkan pada hukum kanun itu. De-mikian lagi kias atas negeri atau anak sungai pun dengan tiada la-gi bersalahan.

Pasal yang ketujuh, pada menyatakan hukum menderhaka mem-bunuh hamba orang. Adapun jikalau hamba raja dibunuh orang, maka kena denda tujuh kali tujuh, jikalau ia lepas ulur kebawah duli raja itu. Adapun hukum tujuh kali tujuh itu sekadar amar raja-ra-ja juga, adapun sungguhnya tujuh kalu juga. Adapun jikalau dengan salahnya itu tiadalah ada lagi perkataannya itu. Adapun jikalau ia mencuri, maka tertangkapnya, dibunuhnya maka kena denda akan dia setengah harganya, dan setengah akan menteri dan setengah akan

tuannya kerana taqsir tiada dengan setahu menteri. Adapun pada hukum Allah Ta'ala, orang yang mencuri itu tiada harus dibunuh melainkan dipotong juga tangannya. Adapun hukum hamba raja jikalau ia mencuri, maka ditangkap lalu dibunuhnya maka didendanya dia sepuluh tahir sepeha. Adapun jikalau waktu ia mencuri itu dibunuhnya, suatu pun tiada lagi salahnya. Adapun jikalau pencuri itu lagi maka diturut oleh yang empunya harta itu nescaya beroleh harta itu, jikalau ia melawan dibunuhnya lagi. Adapun jikalau tiada ia melawan maka dibunuhnya, mengganti hamba orang itu setengah harganya itu. Adapun benar hamba orang itu yang dibunuh itu dengan tiada dusanya kenalah didendakan hukumannya.

Pasal yang kedelapan pada menyatakan menetak orang. Jikalau hamba orang menetak merdeheka, maka iaitu masuk ulur. Adapun jikalau merdeheka menetak hamba orang kena denda setengah harga, jikalau ia miskin kenalah emas dendanya itu. Adapun jikalau hamba orang menampar merdeheka 10 hukumnya dipotong tangannya. Adapun jikalau merdeheka menampar hamba orang tiada dengan salahnya itu, kena lima emas juga hukumnya. Jikalau ia kaya kena hukum sepuluh emas. Adapun hamba orang itu jikalau dengan jadah mulutnya seperti memaki ia, maka suatupun tiada lagi salahnya itu. Adapun jikalau hamba orang itu ditampar oleh merdeheka, maka ditikamnya oleh hamba orang itu, mati merdeheka itu, suatupun tiada salahnya, tetapi pada hukum Allah Ta'ala yang membunuh itu dibunuh juga hukum-

nya, maka adil namanya. Adapun jikalau merdeheka samanya merdeheka, maka ditamparnya dengan tiada salahnya maka ditikamnya oleh yang kena tampar itu serta ada saksinya itu tiada lagi perkataannya itu di dalamnya lagi. Adapun jikalau orang menampar samanya hamba orang, maka kenalah setengah harga dendanya itu, mau lelaki mau perempuan dengan tiada bersalahnya pada hukum kanun. Adapun pada hukum Allah Ta'ala menampar itu ditampar juga balasnya, maka adil namanya hukum itu.

Adapun hukum orang memaki orang, jikalau hamba orang memaki merdeheka, digocoh hukumnya atau ditanggal giginya. Itulah hukumnya. Adapun jikalau merdeheka memaki isteri hamba orang maka dibunuhnya merdeheka itu, orang itu tiadalah lagi salahnya, kerana hukum anak isteri itu tiadalah dapat dipermudah-mudahkan pada hukum kanun dan pada hukum Allah Ta'ala itu bersalahnya, itu bersalahnya, yang membunuh itu wajib dibunuh pula supaya haknya jangan ter-tanggung atas kita.

Adapun hukum menampar dan kena tampar itu jikalau ditikamnya oleh yang kena tampar mati yang menampar /11/ itu, tiadalah salahnya lagi. Adapun hingga yang dapat dibunuhnya yang menampar itu tiga hari, jikalau lepas daripada tiga hari itu, tiadalah dapat lagi dibunuh orang yang menampar itu. Apabila dibunuhnya juga maka didendakan dia sekati lima. Kerana lepas daripada laki-

laki namanya. Adapun pada hukum Allah Ta'ala yang dibunuh juga hukumnya kerana pada Allah subhanahu wa Ta'ala hak segala manusia itu amat besar atas negeri.

Pasal yang kesembilan pada menyatakan yang dapat membunuh itu atas empat mertabat. Satu, Bendahari pada waktu tiada raja atau di dalam anak sungai sendiri, harus membunuh dengan tiada titah raja; kedua Tenenggung pada waktu menangkap orang-orang itu pun tiada menanti laqi; dan ketiga Shahbandar tatkala di kuala, barang siapa tiada menurut katanya pada waktu membawa perahu dan kapal itu tiadalah lagi dengan titah; keempat, Nakhoda tatkala di laut dapat ia membunuh kerana ia raja pada masa itu. Adapun apabila sudah datang ke negeri dihukumkan itu, jikalau dibunuhnya itu tiada dengan dusanya patut mati. Maka dihukumkan dengan sepenuh-penuhnya denda iaitu sekali lima. Adapun hukum laut itu atas Nakhoda, tiada ia dapat membunuh melainkan isteri orang yang di dalam perahu, itu, haruslah dibunuh itu /12/.

Pasal yang kesepuluh pada menyatakan biduan orang dan anak muda-muda orang dan hamba orang dan sakai orang dan hamba raja. Ada pun jikalau kita pergi belayar atau mudik sungai maka kita biduan orang dengan tiada setahu penghulunya itu, maka mati ia, kena denda seharganya orang yang membawa itu oleh penghulunya. Adapun jikalau ada jauhnya sehari semalam perjalanan maka diberi-

nya ganti, jikalau empat keruh atau setengah hari perjalanan tiada mengganti hamba orang itu. Adapun yang mengganti itu sehari semalam atau sebulan jauhnya atau kurang sedikit, maka mengganti kerana taqsirnya. Inilah adatnya. Demikianlah hukum sekelian orang yang membawa hamba orang yang tiada setahu penghulunya, maka dibawanya pergi itu barang kemana pergi itu sekelian memberi ganti kepada tuannya. Adapun hukum hamba orang atau biduanda orang itu, tetapi pada hukum Allah Ta'ala tiada mengganti kerana ia merdeheka.

Pasal yang kesebelas pada menyatakan hukum mencuri, masuk ia ke dalam kampung orang itu maka ditikamnya mati atau diturutnya antara dua kampung, maka bertemu dibunuhnya mati, tiadalah lagi salahnya yang membunuh itu. Adapun jikalau kemudian dari hari itu, maka bertemu dengan orang yang mencuri itu maka dibunuhnya atau ditikamnya, tiadalah boleh lagi dibunuhnya atau ditikamnya melainkan hukum itu juga atasnya. Sebagai lagi jikalau yang mencuri itu /13/ banyak, maka seorang juga naik ke dalam rumah itu, maka seorang itu juga dipotong tangannya dan banyak itu kena ta'zir ertinya di-naikkan di atas kerbau balar dibubuh bunga raya dan perhayungkan tudung saji, maka dicoreng mukanya dengan kapur dan orang dan kunyit, maka dicanangkan berkeliling negeri itu. Jikalau dapat hak orang itu maka digantungkan pada lihirnya, jikalau habis hak orang yang dicurinya itu memberilah ia akan qantinya. Adapun jikalau ia merdeheka, yang mencuri itu masuk ulur kepada yang empur-

nya harta.

Adapun hukum orang yang mencuri tanaman orang itu seperti tebu dan pisang dan sirih dan pinang atau daripada buah-buahan yang lain itu, tiada dipotong hukumnya, tetapi jikalau ia kedapatan malam ia mencuri itu maka ditikamnya oleh orang yang empunya tanaman itu mati sahaja, tiadalah lagi perkataannya. Adapun jikalau tahu ia pada siang hari maka didenda oleh hakim sepuluh emas dan harta yang dicuri itu digantung pada lihirnya dibawa berkeliling negeri itu. Jikalau habis dimakannya buah-buahan itu atau tebu dan pisang barang sebagainya, maka disuruh ganti oleh hakim dan didendanya sepuluh emas. Adapun jikalau mencuri perahu itu maka didapat oleh tuannya, diganti. Jikalau perahu disuruh ganti kepadanya dengan sewanya sekali dan hukum mencuri itu dihukumkan sepuluh emas. Inilah hukumnya segala /14/ orang mencuri.

Adapun jikalau orang mencuri kerbau dan lembu atau ayam, itik dan kambing, jikalau ia di dalam kandang dicurinya itu, maka didendanya setahil sepeha dan harganya kerbau atau lembu atau kambing yang dicurinya itu diminta kepadanya itu. Adapun jikalau kambing di bawah rumah dicurinya maka tahu yang empunya kambing itu dipinta oleh hakim harga kambing itu, sudah itu maka didenda sepuluh emas. Jikalau ia hamba orang mencuri itu, tuannya memberi ganti, pada hukum kanun, dan pada hukum Allah orang yang mencuri

kerbau dan kambing itu, ada pun jikalau kena kerbau dan kambing itu di dalam kandangnya sekadar harganya juga, tiadalah didendanya lagi atasnya itu. Adapun memberi ganti inilah hukum Allah Ta'ala dihukumkan oleh segala manusia pada segala negeri dan dusun atau akan sungai itu.

Pada yang kedua belas pada menyatakan hukum sekelian orang yang menawar anak isteri orang. Adapun jikalau ditawar oleh orang itu isteri orang, maka tahu lakinya, maka diberinya oleh lakinya tahu kepada hakim maka disuruh oleh hakim menyembah lakinya dihadapan majlis orang banyak. Jikalau tiada ia mahu menyembah, didenda ia sepuluh tahil sepeha hukumnya itu, melainkan tilik hakim juga kepadanya. Jikalau dibunuh oleh lakinya, didenda yang membunuh itu lima tahil sepeha, kerana ia menawar jua /15/ tiada harus dibunuh melainkan yang dapat membunuh itu orang besar-besar juga. Ada pun jikalau orang menawar anak orang maka tahu ibu bapanya harus ia didenda oleh hakim dua tahil sepeha. Jikalau patut hendaklah dudukkan, mintak belanjanya sekali. Itulah hukumnya. Adapun jika lalu menawar hamba orang didenda lima emas, jikalau menawar hamba orang didenda lima emas, jikalau tiada zina dengan dia. Apabila diambilnya daranya hamba orang itu, maka didendakannya dia sepuluh emas. Demikian lagi menangkap orang, maka lalu diwatinya, itupun sepuluh emas denda kerana menggagahi orang, demikianlah hukumnya atas pihak kanun hukumnya. Adapun tiada dapat ia menangkap atau

menggagahi orang jikalau ada orang merdeheka yang ditangkapnya itu maka lalu diwatinya perempuan itu maka diberinya tahu kepada hakim. Maka dipanggil oleh hakim, disuruh kawinkan dia dan jikalau tiada ia mau kawin didenda tiga tahil sepeha dengan isi kawinnya adat hamba orang itu. Ada pun pada hukum Allah jikalau ia muhsin itu direjem hingga mati. Ada pun ertinya muhsin itu ertinya yakni laki-laki yang ada beristeri. Inilah ertinya muhsin. Jikalau ghayyr muhsin dipalu delapan puluh palu dengan dera. Inilah hukum dera dengan tiada bersalahan. Adapun akan hukum orang yang menukas orang zina itu pada hukum Allah didera delapan puluh kali dan jikalau pada hukum kanun didenda sepuluh tahil, jikalau yang ditukasnya itu hamba orang, maka didenda dua tahil sepeha atau setengah /16/ harganya. (Disangka suatupun tiada lagi hukumnya atas yang menukas anak hamba orang zina itu setengah harga).

Pasal yang ketiga belas pada menyatakan hukum orang lari dan orang yang menyembunyikan hamba orang lari, meninggalkan ia itu sekaliannya pada Shahbandar. Adapun jikalau orang lari dari laut ke negeri orang, tiada timbul lagi melainkan dengan shafa'at segera orang besar-besar di dalam negeri itu juga lagi akan datang. Ada pun jikalau lari kepada anak sungai jauh daripada negeri kira-kira dua hari atau sehari pelayaran, dibahagi tiga, akan tuannya sebahagi. Ada pun jika ia lari dari dalam kota keluar kota seemas tebusnya. Jikalau lari diluar kota ke dalam kota dua kupang te-

busnya itu. Demikianlah adatnya. Ada pun hukum orang yang mencuri hamba orang itu dan serta menyembunyikan hamba orang itu, didapati di dalam rumahnya itu dirampas hukumnya. Ada pun jikalau tiada dapat di dalam rumahnya, maka didapat dibunyikannya di dalam hutan atau di dalam perahu orang-orang, didenda lima tahil. Jika-lau mau tuannya itu menebusnya, ada ia lagi. Ada pun hukum orang yang sekutu itu hukumnya mencuri juga dan hukum orang yang berjual titah itu dibunuh atau dibelah lidahnya /17/ atau dikupas kulit kepalanya. Adapun hukum orang berdustakan Shahbandar itu dicerong mukanya atau didendai dua tahil sepeha. Ada pun jikalau serjual kata orang besar-besar itu atau Shahbandar itu didendai setahil sepeha atau disuruh maki dihadapan orang ramai. Jikalau dia melawan dibunuh, kerana orang besar-besar itu menegah kerajaan Duli Yang Dipertuan. Ada pun jikalau berkata hendaklah segera ditentukan supaya lepas hak manusia daripada negeri. Demikianlah pada hukum kanun pada negeri atau dusun atau barang yang ditanggungnya itu supaya terpeliharalah nama raja-raja dan nama hakim. Inilah hukumnya.

Pasal yang keempat belas pada menyatakan orang bertuduhan dan sangkal menyangkal. Ada pun seorang itu menuduh, seorang itu bersangkal maka tiadalah hukum. Jikalau ia mau berlawan, diperlukan itupun jikalau tidak ada saksi dua orang berdiri. Jikalau ada saksi dua orang atau seorang dihukumkan oleh hakim atas barang

adat hukum kanun. Ada pun pada hukum Allah Ta'ala sekadar disuruh bersumpah menjebat mimbar juga pun padalah. Ada pun pada hukum kanun disuruhkan ia berlawanan berselam air atau bercawar minyak atau timah. Maka disuratkan ayat pada tembikar kuali. Inilah yang disurat wa'Llahu wa ma ta malun. Ilami bibarakati Jibra ila wa Mala ila wa Israfila wa'zra'ila /18/ tunjukkan kiranya sebenarnya sian dengan sianu itu maka dibubunkan pada kawah atau kuali, maka disuruhkan antara keduanya itu mengambil tembikar itu dengan sekali celup tangannya juga. Barang siapa alah, maka dihukumkan atas hukum negeri atau dusun dan jikalau patut dibunuh maka dibunuh akan dia, jikalau tiada patut kerana tiada bersalahannya didenda akan dia, mana patut dendanya, jikalau patut dibunuhkan dia dan yang patut dimaafkan oleh hakim. Ada pun jikalau menuduh orang mengambil isteri orang maka menang yang dituduh itu kerana hukum mengambil isteri orang, mati hukumnya, tiada dibunuh didenda sepuluh tahil sepeha, di dalam itu melainkan shafa'at sekalian hakim juga kerana hukumnya itu mati kerana menolong orang teraniya itu wajib pada kita kerana disuruhkan Allah dan RasulNya. Ada pun hukum Allah Ta'ala tiada demikian, hanyalah bersumpah atau bertaubat daripada perbuatan itu. Demikianlah pada hukum Allah Ta'ala.

Pasal yang kelima belas pada menyatakan upahan berjual atau naik kayu atau menggali atau barang sebagainya. Ada pun jika lau diupah hamba orang oleh merderhaka jikalau sah ia hamba orang

itu dengan setahu tuannya, ia pergi mengambil upah itu dan hamba orang pada ia memberi hasil akan tuannya itu, maka hilang atau mati, maka benda itu seperti hak orang itu, jikalau tiada diganti oleh hamba orang itu atas tuannya memberi hak orang itu. Ada pun jika-lau tiada setahu /19/ tuannya tiada dengan disuruh oleh tuannya itu, maka hilang atau mati akan benda orang itu, tiada lagi tuannya itu mengganti, melainkan mana setahu yang empunya hak itu juga. Lagi maka tiadalah dapat ditawarkan hamba orang itu lagi kerana taqsir tiada dengan disuruh memberitahu tuannya. Adapun jikalau muapakat hamba orang itu naik kaya dengan setahu tuannya, maka mati atau pa-tah, maka diganti atas harganya yang benar. Ada pun jikalau dipin-jam hamba orang itu kepada tuannya barang yang hendak disuruhnya itu maka mati, kena sepertiga yakni suku harga dengan itu. Ada pun jikalau dipinjam hamba orang itu disuruh naik kayu, maka ditan-yakan oleh yang meminjam itu kepada tuannya, kalau-kalau patah, mati orang itu. Maka kata tuannya jikalau mati, matilah atau pa-tah pun patahlah. Maka diantara itu mati hamba orang itu maka di-ganti sepertiga harganya, dua bahagi hilang, dan di bayar oleh yang meminjam itu sebahagi.

Ada pun akan orang yang diupah menyelam itu, maka mati ia dengan tiada setahu tuannya diupah itu, maka diganti setengah har-ga hamba orang itu juga. Ada pun jikalau setahu tuannya disuruh-nya itu, maka mati hamba orang itu, maka ia pun mengganti setengah

harga juga.

Ada pun jikalau dipinjam kerbau orang maka ditaruhkan pada kandangnya hampir rumahnya, ditangkap oleh harimau, mati kerbau itu maka /20/ diganti setengah harga dari kerana ia tiada taqsir lagi. Jikalau jauh daripada rumahnya kandangnya itu, sepenuhnya harga kerbau itu diganti. Demikianlah hukumnya binatang itu.

Ada pun jikalau seorang mencuri hamba orang itu perempuan, maka lalu diwatinya maka tiada reda ia, maka didenda setahil sepeha. Ada pun tiada digagahi, hanyalah dengan redanya perempuan itu, lima emas juga dendanya. Inilah hukum negeri yang besar dengan hukum kanun pada tiap-tiap negeri.

Adapun jikalau disuruh naik kayu hamba orang itu, tiada dengan setahu tuannya, maka jatuh, maka diganti setengah harganya. Ada pun hamba orang itu sediakala ia disuruh oleh tuannya barang kemana pergi mengambil upahan itu kerjanya itu, maka diupah seorang-orang jatuh mati itu pun setengah harga juga diganti. Ada pun jikalau dengan setahu tuannya kena sepertiga harga hamba orang itu yakni sesulus. Ada pun jikalau hamba orang itu dipinjam, disuruh naik kayu maka jatuh mati atau patah, diganti hamba orang itu sepatut harganya. Ada pun jikalau dipinjam hamba orang itu kepada tuannya, maka kata yang meminjam itu, hamba hendak menyuruh

naik kayu, maka kata yang empunya hamba itu, baiklah mana kehendak surukanlah, maka disuruhnya naik kayu oleh yang meminjam itu, maka dengan takdir Allah Ta'ala jatuh daripada pohon kayu itu lalu mati, diganti dengan sepatutnya harga hamba orang itu. Ada pun jikalau hamba orang itu dipinjam kepada /21/ tuannya dengan ditentukan hendak disuruh akan naik kayu, maka ia ditentukan daripada hal jatuhnya, maka kata tuannya itu jikalau mati tiada hamba berkata-kata lagi, maka oleh yang meminjam itu disuruhnya naik kayu hatta maka jatuh lalu mati, maka sepertiga juga harganya hamba orang itu diganti.

Ada pun jikalau meminjam kerbau atau lembu maka ditarukkan kayum hatta mati kerbau itu atau lembu itu, diganti setengah harganya. Jikalau dipinjam akan pengilang maka lalu mati, itupun diganti setengah harga juga. Ada pun jikalau dipinjam kerbau itu kepada tuannya maka kata yang meminjam itu hendaklah mengilang, maka ditaruhkan kayu atau barang sebagainya, maka mati kerbau itu, maka diganti setengah harganya juga, kerana bersalahan yang meminjam itu. Ada pun jikalau dipinjam kerbau atau lembu atau kambing, maka ditaruhkan kayu di dalam kandangnya, maka ditangkapnya oleh harimau, diganti sepertiga harganya. Jikalau dipinjam kerbau atau lembu dan kambing, dengan ditentukan kepada tuannya, maka mati, iaitu diganti sepenuh harganya. Ada pun hukum Allah Ta'ala segala yang dipinjam itu mau ditentukan mau tiada kerana pada hukum

Shara' mau kekal 'ayannya itu yang benar dinyatakan.

Adapun jikalau dipinjam parang, maka ia dirautkan rotan atau kayu maka patah diganti setengah harga atau pisau raut maka digerakkan kayu maka patah, diganti harganya itu sepenuhnya. Ada pun tiada diberi /22/ harganya melainkan atas yang ditentukan itu juga, maka tiadalah memberi ganti lagi atas kias tiada diberi itu hukum kanun.

Ada pun jikalau dipinjam oleh seseorang hamba orang itu perempuan, maka diwatinya oleh yang meminjam itu, maka tahu tahu tuannya, jikalau ada lagi daranya maka di denda ia sepuluh emas, kain sehelai, jikalau janda, lima emas dendanya tiada lagi kain baju.

Demikianlah hukum negeri dan anak sungai dan dusun. Itulah faedahnya akan segala makhluk supaya jangan berbesar diri dan berbuatkan sahaya orang da'if barang sekehendaknya hatinya. Maka ini-lah adat kanun akan menghukum segala perbuatan yang salah mudah-mudahan supaya insaf mereka itu akan segala yang da'if dan yatim itu pada segala negeri yang besar-besar dan anak sungai dan dusun pada tiap-tiap perkara ini.

Pasal yang keenam belas pada menyatakan hukum fitnah. Ada pun jikalau ada seorang berkelahi ia atau berbantah, maka jadi bertikam keduanya maka datang seorang, maka ditolongnya ditikamnya atau dipalunya atau ditetaknya atau barang sebagainya, maka jika-lau ditikamnya atau berluka-lukaan atau berbunuh-bunuhan tiada lagi kata hakim atasnya itu kerana taqsir faduli namanya itu. Demikianlah orang berbantah akan zina itu, jikalau ia lama zinanya itu di dalam dua tahun kemudian zina pula ia dengan perempuan yang lain maka tiada /23/ dibalasnya dibunuh oleh hakim. Ada pun maka diper-bunuhkan dan dibunuh pula oleh hakim kerana sudah ia zina dengan perempuan lain. Ada pun bersalahan dengan hukum Allah Ta'ala mau lama dan mau baharu, apabila zina itu tiada dapat membunuh, dibunuh pula, jikalau luka didarahi pula.

Ada pun yang dapat kita faduli itu atas tiga perkara. Suatu orang membunuh madu kerana lemahnya madu tuah, itu harus kita fa-duli. Kedua, sahabat kita baik atas jalan benarnya, itupun dapat kita faduli. Ketiga, orang yang teraniaya, seorang darinya kerana ia tiada sampai kepada raja atau menteri atau pada orang besar-besar atau sebab ia budak tiada tahu berkata-kata tiada dapat ber-lawanan dengan seterusnya itu atau banyak lawannya maka dapat kita faduli padanya menolong sahabat itu. Ada pun jikalau tiada ia lemah segala perkara yang kami katakan itu, tiada lagi dapat kita faduli kepada barang perbuatan orang itu apabila kita faduli akan

hukumnya lagi taqsir. Ada pun hukum taqsir itu jikalau kita pergi membunuh orang atau melukai orang atau memalu orang, maka di-dendanya tidak dapat tiada salah kepadanya, didendanya dengan kias ini, sebesar-besar denda faduli itu lima tahil sepeha dan perse-tengahan denda faduli itu dua tahil sepeha, sekecil-kecil denda faduli itu setahil sepeha. Jikalau kita turut memalu, kena se-pertiga /24/ hukumnya. Ada pun yang punya pekerjaan itu kena sepuluh tahil sepeha atau sekali lima, yang faduli dibahagi tiga dendanya itu dan inilah hukumnya.

Ada pun jikalau sahabat kita membunuh orang bersamaan deng-an sahabat, itu pun sepertiga juga dendanya. Ada pun jikalau atas benarnya itu pun tiadalah kita faduli itu melainkan atas hal-nya tiga perkara itu. Pertama, ia tiada sampai kepada raja, ke-dua, tiada ia keras melawan seterusnya, ketiga dengan benarnya. Maka dapat ia faduli kepada sahabat itu. Demikianlah jikalau sa-habat kita membunuh madu atau menampar orang atas kias, itu juga hukumnya dengan tiada lagi bersalahan itu. Ada pun akan hukum orang faduli itu, jikalau sahabat mati ia adalah segala belanja mati itu daripada sahabatnya yang ditolong itu dan seperti kain kapannya dan daripada belanja orang menyembahyangkan dan talqin dan sebaliknya itu daripada sahabat yang ditolong itu juga. Demikianlah adanya. Dan jikalau ia luka upah ubatnya itu dari sahabat yang ditolong itu juga sekaliannya. Demikian lagi hukum-nya segala orang yang faduli itu, maka kias hukum juga atasnya

itu adat hukum segala negeri atau anak sungai.

Pasal yang ketujuh belas pada menyatakan hukum orang mengambil upahan membunuh orang atau menampar atau memalu orang. Ada pun jikalau diupah orang ia membunuh orang itu, maka dibunuhnya, mati dia sebab kebalasan upahnya itu /25/ maka salah yang mengupah itu kena denda sepuluh tahlil, akan belanja mayat itu sekaliannya daripadanya kerana taqsir tiada ia memberi tahu hakim.

Ada pun jikalau diupah orang itu dengan sesuatu hakim atau orang besar-besar itu, maka yang mengambil upahan itu mati sebab kebalasan, maka barang berapa belanjanya mati itu semuanya daripada yang mengupah itu juga. Ada pun jikalau sama mati, yang diupah itupun mati, maka diberinya upahnya itu kepada anak isterinya dan kepada segala keluarganya, dan belanja mayat yang diupah itupun sekaliannya daripada yang mengupah itu juga. Maka inilah hukum upahan. Jikalau upahan itu luka dan yang dibunuhnya itu mati maka diberi upah yang mengupah itu belanja ubatnya sehingga baik yang diupah itu. Ada pun jikalau ia mati yang diupah itu atas kias. Inilah dihukumkan oleh segala hakim di dalam negeri. Itulah hukumnya. Demikianlah upahan menampar atau memalu, itu pun akan hukum orang mengambil upahan menampar itu jikalau tiada dengan setahu hakim di dalam negeri itu, didenda lima tahlil oleh hakim di dalam negeri itu. Demikianlah lagi adat seseorang itu

pada negeri itu. Adapun hukum orang mengupah memalu orang itu jikalau tiada setahu hakim didenda ia yang mengupah itu setahil sepeha kerana taqsirnya tiada memberi tahu hakim. Ia itupun akan segala hukum tentu memeliharkan kerajaan raja itu. Maka inilah hukum orang yang mengupah orang atas kias. Inilah dihukumkan oleh hakim itu dengan tiada lagi bersalah supaya terpeliharalah segala rakyat /26/.

Ada pun akan upahan memalu orang itu jikalau mati yang dipalu itu didenda oleh hakim seharga dengan yang mati itu, jikalau ada ia hamba orang. Jikalau ia merdeheka didenda hakim sepuluh tahil sepeha kerana taqsirnya. Jikalau dengan setahu hakim ia mengupah itu tiada lagi kena denda melainkan dendanya itu pada keluarganya kerana yang dipilih itu hukum zavadah ia pada orang yakni memaki orang tiada berkecuali atau diajari dihadapan orang. Itulah hukumnya dipalu juga, tiada lain.

Pasal yang kedelapan belas pada menyatakan hukum orang angkara itu dua bahagi. Suatu, maharajalela, kedua angkara itu seperti menawar tunangan orang atau melakukan barang kehendaknya dengan tiada lagi berkira-kira itu, salah ia kerana hukum itu, hukum angkara namanya.

Ada pun jikalau seseorang menawar tunangan orang yang sudah

diberinya suatu alamat tanda kahwin itu, maka ditawarnya oleh seseorang dengan setahu ibubapanya perempuan itu, maka diberinya tahu oleh tunangannya itu kepada hakim, maka oleh hakim disuruhnya panggil ibu bapanya perempuan yang menyukakan itu, maka disuruh kembalikan cengkeramnya orang itu ganda. Maka didenda oleh hakim yang menawar itu sepuluh tahil sepeha. Adapun jikalau tiada ia tahu akan tunangan orang lain itu tiada kena denda itu kerana ia tidak tahu akan tunangan orang itu. Ada pun maka disukarkan ibu bapa yang menawar itu dan yang menawar itu tiada tahu akan /27/ tunangan orang itu maka denda atas ibu bapanya jika kerana ia menyukakan tawar laki-laki yang lain. Maka dendanya itu mana seperti adat denda itu juga adanya dan melainkan ikhtiar hakim juga. Ada pun jikalau tiada tahu laki-laki dan tiada disukarkan oleh ibu bapanya salah tiadalah ia kepadanya lagi.

Ada pun yang dapat menolak akan oleh ibu bapanya cengkeram orang itu atas tiga perkara. Suatu tiada ganda, kedua dapat dikembalikan cengkeram itu, ada laki-laki itu beraib, tiada tahu ibu bapanya hatta kemudian ini maka tahu ibu bapanya itu pun dikembalikan dengan tiada ganda. Demikian lagi segala kias aib ia-itu seperti ada bermadu atau mengambil anak isteri orang yang lemah zakarnya atau datang penyakit yang besar seperti pekung, sopak /28/ atau barang sebagainya segala penyakit yang keji itu, maka sekalian itulah kias laki-laki dan perempuan. Itulah hukum-

nya tiada bersalah. Dan ketiga, jikalau ada penyakit itu kepada sekalian perempuan, itupun atas tiga perkara juga syaratnya, pada laki-laki dan dapat dipintanya akan cengkeramnya itu pada perempuan tunangannya itu atasnya, tiada lagi hilang cengkeramnya itu. Pertama-tama, ada perempuan itu hamba orang, maka tiada tahu laki-laki akan dia itu hamba orang, itupun dapat dipintanya cengkeramnya. Ada pun kedua aib itu tiada laki-laki itu tahu akan aibnya, maka kemudian tahu ingat akan aibnya perempuan itu, maka itupun harus dipintanya cengkeramnya itu. Ketiga ada perempuan itu se-suatu penyakitnya seperti busung darah, buasir dan sopak parajnya, itupun harus kembali dengan tiada hilang cengkeramnya laki-laki itu. Itulah hukumnya melainkan ada perempuan itu kabul akan aibnya laki-laki itu, tiada lagi suatu perkataan di dalamnya. Demikianlah kias laki-laki dan perempuan itu. Inilah hukumnya.

Ada pun jikalau abdi menawar tunangan orang, yakni samanya abdi, didenda sepuluh emas juga tiada lebih. Maka dikiaskan oleh hakim atas hukuman ini.

Ada pun maharajalela itu dua perkara. Suatu membunuh tiada setahu raja. Kedua, mendatangi /29/ kampung orang dan didendanya sepuluh tahil pada mendatangi kampung orang itu oleh hakim. Jikalau ia mendatangi kampung orang lagi membunuh orang, dendanya se-puluh tahil sepeha, denda membunuh orang itu sekati lima tahil

atas kias. Inilah hukuman kanun.

Ada pun hukum orang mabuk yang dipanggil orang pada rumahnya maka ia melawan atau menikam orang atau memalu orang, maka jikalau tiada ditangkap oleh yang empunya rumah itu hingga ingat ia akan dirinya maka dilepaskan atasnya, meninggal ia membunuh orang atau melukai orang, tatkala pada ingatannya itu maka dibalasnya tatkala mabuknya atau gila, tiada harus diqisas padanya itu kerana angkara. Maka jikalau ia mati pada rumahnya atau pada tangganya itulah adalah ia kena denda dua tahil sepeha. Dan jikalau tiada terbayar dendanya itu dari sebab miskin atau sebab da'ifnya itu maka kenalah ta'azir iaitu dicanangkan berkeliling negeri itu. Ada pun jikalau di tangkap serta ditegahi ia tidaklah salahnya lagi melainkan denda setahil sepeha. Maka da'if ia, tiada terbayar dendanya itu kenalah ia hukum ta'azir. Ada pun syarat hukum tialah lebih atas angkara lagi. Demikainlah hukumnya.

Pasal yang kesembilan belas pada menyatakan hukum segalabuah-buahan dalam kampung orang atau dalam kota negeri. Ada pun jikalau tiada bahagian yang empunya itu bahagian bersama-sama, jikalau dijualnya buahnya itu dipintanya harganya sepertiga dua bahagian yang empunya kampung dan /30/ sebagai tauannya lama. Ada pun jikalau ia tiada mau memberi, maka gusar ia lalu ditebangnya pohon kayu itu, maka ia memberitahu tuannya kepada hakim, ma-

ka disuruh beri oleh hakim harganya sesuku pohon kayu itu. Demikianlah adatnya segala pohon kayukayuan yang dalam kampung orang itu dan segala buah-buahan itu seperti mana adatnya, sepertiga juga. Jikalau dijualkan oleh yang empunya kampung dapat didakwai oleh yang empunya lama itu melainkan yang tiada perkataan lagi melainkan kampung dan dusun negeri raja akan seorang, tiada lagi dapat didakwai, putus perkataannya itu. Ada pun seperti Bendahara dan orang besar-besar memberi kampung akan seorang dengan tiada dapat sampai berkata akan hal mereka itu pada raja. Ada pun jikalau diambil kampung orang bernama atau dusun seorang besar, maka diberinya akan seseorang, maka adalah yang empunya kampung itu dipersembahkan kepada Raja, maka rajapun bertitah, itupun tiadalah dapat didakwa lagi kerana sudah dengan setahu raja itu.

Adapun segala hukum gadai dusun itu dua perkara, suatu harus gadai, kedua harus ganda akan dia. Ada pun yang harus ganda itu iaitu seperti seorang itu bergadai dusun pada orang atau kampung yang tiada tanamannya maka tiada berbuah /31/ kepada yang memegang gadai itu selama-lamanya itu, maka iaitu digandakannya oleh yang empunya emas itu. Adapun tiada dapat digandakan itu seperti nyiur dan pisang atau durian atau barang sebagainya tiada ia dapat ganda lagi hukumnya. Jikalau digandakan maka diberinya tahu hakim itu akan lawan mereka itu. Adapun jikalau ia mendapat pada kampung orang yang dipegang gadai itu senertiga, hukumnya.

Demikianlagi kampung di negeri orang besar-besar itu, jikalau ia mendapat, dibahagi yang mendapat itu ia dua bahagian, yang empunya sebahagi. Demikianlah hukumnya.

Ada pun hukum dusun yang tiada bertuan itu maka oleh seseorang duduk ia pada dusun yang tiada bertuan maka dimakannya buah-buahnya dan dijualnya, maka datang tuannya, itupun dapat juga didakwanya oleh tuannya. Demikianlah lagi segala orang yang kena murka raja-raja, maka lari ia daripada negeri kepada negeri yang lain sebab takutnya hatta maka dusunnya dan kampungnya tinggal, maka diambil oranglah kampungnya dan dusunnya, itupun dapat didakwanya oleh tuannya kerana haknya, itu pun jikalau diberinya tahu kecada hakim maka oleh hakim disuruhnya kembalikan pada orang itu. Demikianlah hukumnya.

Pasal yang keduapuluhan pada menyatakan tanah perhumaan. Ada pun tanah itu atas dua bahagi. Suatu tanah hidup, kedua tanah mati, itu tiada siapa yang empunya hak, tiadalah ada alamatnya empunya dia /32/ nescaya tiadalah ada lagi pada tanah itu perkataannya. Jikalau diperbuatnya huma atau ladang atau bendang atau kebun tidak siapa ada berkata-kata lagi akan dia. Itulah tanah mati, namanya itu.

Ada pun akan tanah hidup, ada alamatnya atau ada perigi

atau ada pohon kayu-kayu yang dimakan buahnya atau ada alamatnya, tempat perhumaan orang. Maka jikalau diperbuatnya kampung atau rumah atau huma tiada di dalam perkataan orang lagi dapat didakwai orang kerana tanah hidup itu jikalau digagahi, didenda oleh hakim sepuluh emas akan orang itu.

Ada pun jikalau diperbuat dusun, maka jadi dusun itu, maka oleh empunya tanah itu didakwanya, diberinya harga tanah bahagi tiga dan yang empunya tanah itu sebahagi, dua bahagi orang yang menanam dia itu.

Ada pun jikalau diperbuat huma, akan huma itu tiada setahu yang empunya tanah itu, maka didakwai oleh empunyai tanah itu, maka digagahinya, kena denda sepuluh emas. Ada pun tanah yang ditinggalkan itu setahil sepeha dendanya oleh hakim kerana ia menggahi yang empunya tanah itu, melainkan sesuka yang empunya tanah juga, maka tiada lagi perkataannya. Inilah hukum tanah hidup. Maka tetaplah hukum tanah pada negeri atau dusun dihukumkan oleh hakim.

Pasal yang kedua puluh asa pada mengatakan hukum kerbau dan lembu yang /33/ nakal. Jikalau ada kerbau itu ditempat jalan orang yang lalu lalang, maka oleh kerbau itu ditanduknya orang itu, luka, maka didendanya setahil sepeha, yang muktamat itu. Ada pun

jikalau mati orang yang ditanduknya itu, seharga orang itu kerana taqsir menambat kerbau kepada bukan tempatnya. Demikianlah hukumnya.

Dan demikian lagi lembu yang nakal itupun jikalau ditambatnya pada hutan yang tiada tempat orang lalu lalang itu, maka tanduknya orang itu, luka atau mati, maka dibunuhnya kerbau itu atau disembelihnya, itu juga tiada perkataannya lagi. Demikianlah hukumnya kerbau atau lembu yang nakal.

Ada pun maka jikalau jahat menanduk itu semuanya kerbau juga tiada lain lagi kerjanya, ditangkap, jikalau dibunuh orang, didenda setengah harganya. Ada pun jikalau ia menikam kerbau Bendahara atau Temenggung atau orang besar-besar atau penghulu Bendahara atau Shahbandar, masuk ulur juga. Demikianlah hukumnya. Ada pun jikalau ia kerbau orang yang lain daripada itu, tiadalah masuk ulur. Jikalau kerbau menanduk ditikamnya, mati-mati sahaja. Jikalau tiada ia menanduk maka ditikamnya diganti seharga. Ada pun jikalau kerbau itu sangat nakal akan pagar orang, pada malam atau siang harinya, tiada lagi ia dikandangkan oleh tuannya itu. Jikalau dibunuh orang pada malam atau pada siang hari tiada lagi ia dikandangnya oleh tuannya itu jikalau dibunuh orang pada malam tiada lagi mengganti. Jikalau pada siang hari kenalah setengah harga juga. Ada pun jikalau dibunuh di padang atau daripada ja-

lan /34/ sakit hatinya itu, kena seharga kerbau itu juga tiada bersalahan itu. Ada pun orang yang membunuh kerbau orang itu pada kandangnya itu kena seharga kerbau itu, lagi didenda setahil sepeha.

Ada pun jikalau seorang membunuh kerbau yang makan di padang atau di hutan maka dibunuhnya, itupun kena setengah harga, dan lagi didenda sepuluh emas oleh hakim kerana angkara kepada kehidupan orang itu. Demikianlah hukumnya kerbau atau lembu atau kambing dibunuh dengan angkaranya akan hidupnya orang itu. Ada pun jikalau orang membunuh kambing orang, sepeha dendanya dan harga itu pun dibayar. Ada pun kambing rakyat empunya itu, tiada didenda lagi atasnya.

Ada pun jikalau orang mendapat kerbau liar yang tiada masuk kandangnya, sepertiga juga harganya. Dan jikalau kerbau itu tiada liar sangat kira-kira emas harganya. Jikalau harga setengah tahil, diberinya seemas upahnya kerbau itu. Jikalau harga sepeha, dua kupang upahnya.

Ada pun jikalau kerbau itu jalang, tiada dapat melihat orang, sama bahagi harganya dengan upahnya. Demikian lagi hukum lembu pun tiada bersalahan adanya.

Ada pun pada hukum berhuma yang terbakar oleh orang lain itu, jikalau hangus tiada apa lagi salahnya. Ada pun jikalau tiada hanqus, maka disuruhnya orang itu memerunnya itu jikalau huma orang kaya, jikalau huma orang kebanyakkan /35/ empunya dia itu, sekadar sebahagi juga perunnya. Inilah hukumnya.

Ada pun demikian lagi hukum huma yang tiada semangatnya yang berhuma itu. Ada pun pagar huma itu jikalau orang yang sudah membakar, maka orang yang lain tiada membakar, maka dimakan babi atau dimakan kerbau akan pada orang itu kerana taqsir tiada ter-pagar olehnya itu, jikalau habis padi orang itu, mengganti semua-nya. Demikianlah hukumnya. Ada pun hukum orang yang mencuri pa-gar huma atau tanaman orang, jikalau bertemu dengan tuannya, di-rampas barang yang dibawanya itu yakni seperti keris atau golok atau pisau atau parang itu, sekaliannya diambil dan diikat dibawa-nya kepada tuannya. Inilah hukumnya.

Pasal yang kedua puluh dua pada menyatakan hukum orang bi-nasa dan orang lapar sebab negeri itu mahal beras dan padi. Ada pun jikalau negeri bermusuh atau datang bala Allah atas negeri itu dan atas orang besar-besar dalam negeri itu maka lapar segala ma-nusia di dalam negeri itu daripada tiada makanan di dalam negeri itu daripada tiada makanan di dalam negeri itu. Maka kata segala yang miskin dan orang yang hina dan fakir ambillah kami akan hamba

tuan, berilah kami makan, jikalau kami diberi makan, jualan kami, maka diberi oleh segala yang ada makanannya itu. Antara beberapa lamanya maka negeri itu pun lenyaplah balu lapar itu. Maka oleh /36/ empunya makanan itu hendak dijualnya segala yang diberinya makan itu, maka diadukannya kepada hakim orang yang hendak dijualnya itu maka tiada diberi oleh hakim jual orang itu kerana dia manusia itu berjanji tengah darurat hanya disuruh hakim beri setengah haranya kepada empunya makanan itu.

Ada pun jikalau hamba orang tiada diberi makan oleh tuannya itu, maka hak makanan disuruh hakim mengerjakan yang empunya makanan itu empat musim atau lima musim atau enam musim serta kembalikan orang itu kepada tuannya. Ada pun jikalau hamba orang itu mati dalam suruhan empunya makanan itu, jikalau dengan setahu hakim tiadalah kena harga hamba orang itu. Ada pun jikalau tiada dengan setahu hakim, mati hamba orang itu kena setengah harga juga pada empunya makanan kerana ia ditebus pun, mati itu hilang juga itu.

Ada pun akan orang karam di laut itu, maka didapat orang ditengah laut itu, demikian juga maka kata orang yang karam itu, ambillah hamba oleh tuan hamba, hendak dijual pun baik, hendak dipерhamba pun baik daripada mati hamba di dalam laut ini. Maka diambil oranglah akan dia itu, Maka lalu diberinya makan, disuruhnya bekerja atas barang kerja yang empunya jung itu atau baluk itu,

hatta berapa lamanya, maka ia sampai ke negeri orang, maka hendak dijualkan /37/ oleh yang mendapat itu, maka ia pergi mengadap kepada Shahbandar, maka dihukumkan oleh hakim setengah harga juga, tiadalah diikat akan kata orang yang karam itu akan katanya minta jual itu kerana darurat itu.

Ada pun jikalau orang karam itu ada hartanya, beras juga yang tiada kepadanya, maka didapat orang belayar dilaut, maka ia minta ambil kepada jung atau baluk itu, maka diambilnya, beberapa lamanya maka sampai ke negeri orang, maka dihukumkan segala merdeheka itu sepeha seorang. Ada pun jikalau ia hamba orang kena belah pada seorang tiada lebih daripada itu, demikian lagi kepada orang.

Ada pun jikalau ia menahan di pulau sebab angin yakni binas, maka orang itu merdeheka lima emas kenanya, jikalau ia orang itu hamba, tujuh emas pada seorang. Ada pun jikalau nakhoda itu menaham berniaga nakhoda itu jung /38/ atau baluk itu tiada lebih lagi hukumnya kerana taqsirnya nakhoda akan jung dan baluk itu.

Ada pun hukum pengail, jikalau ia tiada lagi berperahu, maka berdapat samanya pengail itu, maka kena tebusnya pada seorang sepeha juga. Jikalau ada ia berperahu dan tetapi layar dan pengayuh tiada lagi padanya itu ditebus oleh tuannya dua emas pa-

da seorang. Demikianlah hukum orang mengail itu.

Ada pun hukum orang menawas itu jikalau ia karam, demikian juga hukumnya orang kelaut itu, adalah hukum ini terserah atas Shahbandar juga.

Ada pun hukum orang mendapat perahu itu apabila lalu ke laut tawasnya tebusnya setengah harga juga hukumnya. Ada pun jika-lau besar perahunya, panjang jauhnya itu sekupang tebus. Ada pun jikalau perahu itu kecil, dua kenderi juga tebusnya. Inilah akan hukumnya. Itupun tiada harus ditebus atas dua perkara, mau perahu itu digerak orang talinya, itu pun tiada harus lagi ditebusnya oleh tuannya. Kedua, perahu itu dicuri orang dibawanya, lalu hanyut jika jauh sekali pun tiada juga harus lagi ditebusnya oleh tuannya, (ketiga) perkara perahu raja atau perahu orang besar-besar negeri empunya dia, itupun tiada harus ditebus melainkan kasih segala orang kaya-kaya itu juga lagi akan dia orang yang mendapat dia. Demikianlah /39/ hukumnya.

Ada pun hukum orang mendapat sampan orang hanyut itu, jika-lau jauh hanyutnya itu, maka harta dalamnya, maka didapat orang sampannya itu, maka kemudian dipinta oleh tuannya, maka dibahagi tiga harga itu, akan tuannya dua bahagi, akan yang mendapat itu sebahagi dan tebusnya diberi oleh empunya sampan itu.

Ada pun jikalau didapat orang dilaut, maka ada harta di dalamnya, maka hukumnya dibahagi tiga juga akan tuannya sebahagi, yang mendapat itu (.....). Demikianlah hukumnya jikalau digaghi diberitahu hakim oleh orang yang mendapat itu, dihukumkan hakim seperti yang telah tersebut dahulu juga.

Pasal yang kedua puluh tiga pada mengatakan hukum orang yang mencuri hamba orang di dalam negeri itu. Ada pun jikalau hamba raja dicurinya itu harus dibunuh yang mencuri itu dan segala hartanya dirampas, jikalau nakhoda sekalipun. Ada pun jikalau hamba orang besar-besar atau hamba Bendahara maka didenda nakhoda itu sepuluh /40/ tahil sepeha. Ada pun jikalau hamba segala bala-tentera dan rakyat itu dicurinya oleh nakhoda itu, dikembalikan hamba orang itu, didenda seharga hamba orang itu juga akan nakhoda itu. Ada pun jikalau nakhoda itu mencuri hamba Shahbandar, hukumnya dirampas atau didenda akan dia sepuluh tahil sepeha melainkan ampun segala orang besar-besar juga lagi akan nakhoda itu. Demikianlah hukumnya.

Ada pun hukum nakhoda mlarikan buku-buku atau cukai jika lau datang pula ke negeri itu, maka dirampas hukumnya kerana ia meniada akan orang besar-besar dan Shahbandar di dalam negeri itu melainkan ampun dan kurnia raja juga lagi dan Shafa'at Shahbandar kepadanya kerananya kerana biadan lakunya itu di dalam negeri orang

itu.

Sebermula akan hukum orang berwakil itu tiga perkara. Ada pun jikalau ada seorang berwakil daripada emas atau perak atau kain atau barang sebagainya, maka kata yang berwakil itu, berikan emas ini atau perak hamba ini kepada saudara hamba itu, maka oleh yang memegang wakil itu diberikannya kepada saudaranya itu, maka tiada-lah lagi perkataannya. Dan jikalau diberikan kepada anaknya, maka harus dibelanjakan, maka habis emasnya itu, maka dipinta yang ber-wakil, maka katanya sudah hamba berikan kepada anak tuan itu di hadapan si pulan itu hamba memberikan emas itu, maka jawabnya yakni wakil itu /41/ hamba suruh berikan kepada saudara hamba juga mengapa maka tuan berikan kepada anak hamba, maka jadilah berban-tah-bantah keduanya, kemudian maka diadukan kepada hakim, maka di-suruh hakim pintak surat wakil itu kepada yang memegang wakil itu, maka tiada lagi ia akan mengganti emas itu tatkala sudah dilihat hakim di dalam suratan itu berikan kepada saudaranya, tiada disu-ruh berikan kepada anaknya itu. Hatta maka dipanggil oleh hakim anaknya itu, maka disuruh hakim kembalikan emas itu kepada tempat bapanya berwakil itu. Ada pun yang demikian itu jikalau mashur anaknya itu jahat fi'elnya demikianlah hukumnya. Maka jikalau tiada masyhur anaknya fi'el jahat itu setengah dipintak kepada yang memegang wakil itu. Ada pun sama di dalam negeri itu anaknya dan orang yang memegang wakil itu, yang berwakil itu semuanya di-

panggil oleh hakim, dipersemukakannya dengan yang memegang wakil itu, maka tiada lagi ia mengganti pada yang empunya emas itu. Jikalau ia ghaib maka kena yakni wakil mendakwa kepada yang memegang wakil itu adanya. Ada pun disuruh hakim jikalau anaknya itu mintak emas pada wakil bapanya pada orang yang lain. Ada pun anaknya yang banyak itu tiada ia jahat, maka dipintanya emas bapanya itu kepada yang memegang wakil itu diberinya tahu segala hakim, tiada darat didakwa oleh bapanya itu, jikalau habis emas itu sekalipun kerana sudah setahu hakim itu, lepaslah taqsirnya daripada orang yang memegang emas itu. Demikianlah adatnya hukum wakil itu /42/.

Pasal yang kedua puluh empat pada menyatakan segala gantang dan cupak, segala hukum pasar itu sekaliannya pada Shahbandar juga dan hukum jung dan baluk dan kapal atau barang sebagainya yang bernama perahu, mau besar mau kecil. Apabila datang suatu perkataan-nya atasnya atau daripada kerelahi berbantah atau luka melukai daripada samanya dagang kerana utang piutang atau sebab yang lain, itupun terserah atau Shahbandar daripada menghukumkan dia itu.

Pasal yang kedua puluh lima pada menyatakan hukum segala orang yang bertanam-tanaman, maka hendaklah pagar dan parit baik-baik. Jikalau kerbau dan lembu atau kambing masuk jangan kamu tetak akan dia itu.

Bermula jikalau malam, hendaklah oleh yang empunya kerbau atau kambing hendaklah dikandangkan kerbau, lembu, kambing itu. Jikalau ia lepas pada malam, maka masuk ke dalam kebun orang atau sawah bendang orang itu, jikalau ditikamnya oleh empunya kebun dan sawah itu, maka diganti seperti mana adat harga yang benar itu juga. Bermula jikalau ditikamnya kerbau, lembu dan kambing orang pada siang, maka diganti asa pulang dua, kerana adat kerbau lembu, kambing itu, apabila siang hari lepas ia mencari makan /43/.

Pasal yang kedua puluh enam pada menyatakan hukum benda orang. Bermula jikalau ada suatu benda orang yang tinggal, maka didapat oleh seorang, maka tiada disaksikannya pada orang tuah-tuah maka disilihnya asa pulang dua. Jikalau ada disaksikannya, sepuuh dua akan dia. Demikianlah hukumnya benda yang dapat orang itu.

Bermula jikalau orang merogol anak orang, maka hukumnya mati, maka seorang juga. Ada pun jikalau kasih keluarganya, maka didudukkannya, kemudian dibelanjakannya isisakahwinya digandakan. Inilah adatnya jikalau ia tiada mau kahwin, maka dipalunya dan dinistanya dan ditinggalkannya, maka dibalasnya oleh keluarganya si lelaki itu, salah pada hukum. Jikalau mati, dibunuh kembali, begitulah hukumnya.

Bermula jikalau orang itu merampas jikalau harga sekupang pitis sekalipun, nama rampas juga. Jikalau dibunuh oleh yang kena rampas itu mati sahaja kerana penyamun namanya. Ada pun rampas itu sedikit pun sama, banyak pun sama.

Bermula jikalau orang berjudi dan bercuki dan bertaruh dan bermain pasang dan beracak-acak dan menyabung sekaliannya itu nama judi juga. Kemudian ia berbantah atau /44/ berkelahi, maka ia datang mengadu kepada hakim, dirampas hukumnya. Jikalau ia melawan, dibunuh hukumnya. Ada pun yang dapat diadukan kepada hakim permainan itu jikalau ia bertaruh sekali pun barang berapanya hanya-lah dua perkara, pertama-tama, catur, kedua jugar kerana permainan segala orang besar-besar. Itulah yang boleh kamu adukan kepada hakim.

Bermula adapun segala orang yang berutang itu apabila tiada tahu anak isterinya tiada harus ditanggung kepada anak isterinya. Ada pun jikalau ada anak isterinya mengaku serta dengan saksi, haruslah ditangkap, inilah hukumnya.

Pasal yang kedua puluh tujuh pada menyatakan hukum segala orang yang berutang. Maka ada anak isterinya. Maka seseorang lakinya juga masuk kerja dalam, tetapi utang itu sama dengan anak isterinya kerja luar. Maka mati dalam kerja yang empunya emas,

maka tiada harus ditimpakan utangnya kepada anak isterinya melainkan bahagi tiga, yang sebahagi anak isterinya membayarnya, yang dua bahagi itu hilang. Inilah adatnya.

Bermula segala orang yang berutang itu /45/ isterinya tiada harus dipernakal ia, kerana ia itu merdeheka, hilang emas.

Ada pun barang benda yang dihilangkannya melainkan digantinya. Apabila tiada terbayar olehnya dinaikkan utangnya.

Apabila perempuan bujang yang berutang itu maka dipernakal ia maka hilanglah emas itu, akan belanjanya. Jikalau tiada mau laki-laki itu menikah dia yakni perempuan itu hilang emas sebahagi. Demikianlah adatnya.

Bermula segala hamba orang yang lari yang dijual orang itu, maka bertemu dengan tuannya maka ditebusi oleh tuannya seperti haraga yang dibelinya itu juga. Inilah adatnya. Bermula segala hamba orang yang lari kebenua lain seperti orang lari kebenua ini. Demikianlah di negeri orang yang dapat itu.

Bermula jikalau merdeheka mengambil hamba raja, maka iaitu jadi hamba raja hukumnya. Jikalau hamba orang mengambil hamba raja, hukumnya dipalu seratus kali. Barang siapa memalu hambanya

mati, maka salah pada hukum Allah dibunuh dan kepada raja dihukumkan akan dia lima tahil sepeha. Barang siapa memalu hamba raja itu, tiada dengan salahnya, maka ia itu salah kepada bumi tamsilnya. Jikalau ia salah sekalipun tangkap, bawa kepada orang yang memegang dia. Jikalau patut mati, mati, jika patut kena hukum dihukumkan kerana hukum ini raja empunya hukum akan segala hambanya yang salah itu /46/.

(Di dalam naskah A, D, F, H dan J disambung pula kepada berikutnya:).

Ada pun segala hamba kamu yang salah itu hendaklah tegur ajari oleh kamu sekalian kerana pada yaumi 'l-qiamah atas barang lihir kamu tergantung pada pekerjaan ini. Demikianlah adanya.

Adapun menitahkan hamba itu sekalian sultan al-'adil sultan Muzaffar Shah m.a.l.k.h. wa sultanun wa qadin 'ala 'l-barri ma 'adalahu wa ihsanahu ialah yang mengikut perintah ayahanda bagi seri paduka sultan Muhammad Shah khalifatu 'l mu'minina fi 'l 'alam melakukan hukum Allah Ta'ala di dalam dunia kepada sekalian hamba Allah yang tiada taqsir daripada melakukan firman Allah Ta'ala dan di dalam akhirat kerada hamba Allah al-'azim. Demikianlah amrun bi (i.ma'rufi wa'l-nahyu 'ani 'l-munkar hamba pun melakukan hukum Allah Ta'ala hendaklah kebajikan kepada segala

rakyat itu. Ada pun barang siapa melalui firman Allah Ta'ala dan sabda Rasul'Llah barang siapa menolak dan melebihinya dan berbuat sekehendaknya itu hukumnya didera seperti emas dan perak.

Demikian lagi dibuat jikalau Shahbandar berniaga akan timah seratus tengah tiga belas rial harganya jikalau sebegitu seratus seribu selaksa sekalipun tiadalah akan lebih daripada itu bilangan itu. Barang siapa tiada menurut dia melainkan derhaka ke bawah duli kita. Ada pun hukumnya mati, rumah tangganya masuk Bendahari.

/47/ Bermula jikalau hamba raja itu dicuri orang, hamba raja itu asa pulang tujuh, jikalau raja belum kerajaan sekalipun sekali tujuh juga. Ada pun akan hamba Menteri itu asa pulang lima, jikalau hamba sida-sida, asa pulang tiga. Ada pun jikalau hamba sekalian bela tentera asa pulang dua, jikalau ia muflis dibunuh hukumnya.

Ada pun hamba orang lari, jikalau di dalam kota, maka oleh yang mendapat itu, hendaklah dibawanya kejambatan. Jikalau bertemu dengan tuannya hendaklah dibayar pada tuannya, barang patut kepada Shahbandar, tiga hari disaksikannya juga barang, jikalau tiada bertemu dengan tuannya lepas dari tiga hari itu, maka dibawanya kepada hakim. Jikalau tiada dibawanya kepada hakim, salah ia, kesalahan orang setahil sepeha. Inilah adatnya.

Ada pun jikalau hamba orang terpalu kerana oleh cundal mulutnya lalu mati, didendanya itu setengah harganya, tetapi pada hukum Allah yang membunuh itu dibunuh pula. Maka demikian merdeheka itu oleh hamba orang, demikian adatnya seperti tersebut dahulu. Demikianlah pada hukum kias.

Bermula daripada zaman purbakala adat segala anak orang keluaran atau anak orang besar-besar sekalipun, tiada boleh memakai gelang kaki emas /48/ melainkan anak raja juga. Bermula orang yang beremas itu tiada dapat dipakainya seperti yang sudah dilarangan dahulu.

(Naskhah-naskhah A,D, F,H dan disambungkan lagi kepada yang berikut:).

Hanyalah ini kelebihan segala kami, raja-raja daripada bala tentera sekalian. Inilah kami pinta kepada kamu sekalian kerana kami sekalian pun raja yang turun temurun juga.

Demikianlah titah Duli Yang Di Pertuan wa 'l-salamu bi 'l-knayri ajmain, Insha Allah Ta'ala bahawa Allah Ta'ala memberi kur-nia akan kamu sekalian. Qala 'Llahu Ta'ala. Ali'u Illahawa ati 'u 'l-rasula wa uli 'l-amri minkum. Bermula sekalian menteri, hulubalang, sida, bentara, balatentera sekalian hendaklah diturut-

nya seperti firman Allah Ta'ala, sabda Rasuly 'Llah dan berbuat amrun bi (l-ma'rufi wa 'l-nahyu 'ani 'l-munkar dilakukannya.)

Inilah pekerjaan raja-raja dan segala orang yang memegang pekerjaan raja-raja, hendaklah daripada pagi-pagi hari kamu sekarang duduk dibalai masing-masing kepada ke jabatan kerajaan segala hamba Allah itu baik diserahkannya kepada raja-raja, disuruhnya ke balai. Jikalau dapat hendaklah segala yang kamu ke balai itu selesaikan pekerjaan daripada barang sesuatu hal ihwalnya di dalam dunia supaya ringan di dalam akhirat wa salla 'Llahu 'ala khayri khalqih sayyiii dinda Muhamadin wa 'ala alihii wa sahibhi ajma'in. Sirahmatika ya arhama 'l-rahimin. Tamat al-kitab undang-undang negeri. Wa 'Llahu 'alam bi'l-sawab.

Bermula ada pun yang menjunjungkan titah itu Hang Sidi Ahmad, namanya, anak inang pada zaman Duli Yang Di Pertuan sultan Mahmud Shah Ghazah Bintan, tetkala pergi Peringga kafir la'anatu 'Llah Ta'ala menghadap baginda itu, titah menghukumkan segala orang yang tertawan. Ada pun akan segala biduan raja dan rakyat raja pulang ke bawah Duli Yang Di Pertuan dan tiada bertebus dan segala hamba orang keluaran itu tengah tahlil emas tebusannya dan yang menyusu itu seemas tebusannya.

4

(Bab peri menyatakan hukum dan denda sejala anak raja-raja

itu sekati lima tahil, lantannya empat tahil emas dan pemakannya dua puluh rial. Ada pun faedah satu kali lima itu kepada Yang Di Pertuan dan yang lima tahil itu akan mendulikan dan lantannya empat tahil itu akan menteri yang pemakan dua puluh lima emas itu akan Temenggung. Ada pun akan denda sepuluh tahil tengah tiga emas itu, lantannya dua tahil dan pemakannya tiga emas tiga busuk itu. Ada pun yang enam tahil itu ke bawah Duli Yang Di Pertuan dan yang dua tahil itu akan mendulikan, lantannya setahil itu akan menteri pemakan tengah empat puluh perak akan /49/ Temenggung).

Demikianlah adanya Undang-undang Melayu yang dititahkan Duli Yang Di Pertuan, tersurat di atas kertas ini dilimpahnya kepada segala negeri daripada suatu negeri kepada suatu negeri, daripada suatu dusun kepada suatu dusun, daripada suatu anak sungai kepada suatu anak sungai sekaliannya.

Barang siapa melalui seperti yang tersebut di dalam undang-undang ini, melainkan derhaka ke bawah Duli Yang Di Pertuan kerana undang-undang inipun turun temurun daripada Sultan Mahmud Shah hingga sampai dua puluh tiga raja-raja datang sekarang ini, tiada-lah berubah undang-undang ini kepada sekalian raja-raja yang besar-besar diperoleh ia dengan bilangan tenteranya, sekai-sakainya. Maka kita minta kepada Allah subhanahu wa Ta'ala supaya jangan berbuat anjaya kepada sekalian hamba Allah nescaya kararlah kepada

pekerjaan kamu masing-masing. Wa ashabihi ajma'in, birahmatika ya
arhamah 'Irahimin. A'Llahuma amin.